

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : SINAR HARIAN (Subang Jaya.Putrajaya)

TARIKH: 22 SEPTEMBER 2017

M/S : 38

7 parah akibat melecure

Letupan gas di sebuah kilang pembuatan makanan kopitiam gempar ratusan pekerja



Pekerja yang cedera dihantar ke Hospital Serdang untuk mendapatkan rawatan lanjut.



Keadaan mangsa yang cedera dalam kejadian letupan di sebuah kilang, pagi semalam.

SUBANG JAYA – Ratusan pekerja di sebuah kilang pembuatan makanan kopitiam di Taman Perindustrian Subang di sini, gempar selepas berlaku letupan yang mengakibatkan tujuh pekerja parah serta melecure anggota badan pagi semalam.

Difahamkan, pekerja sedang memasak di ruang dapur terletak di tingkat dua sebelum letupan dan kebakaran kecil berlaku.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Selangor, Penguasa Kanan Bomba II, Alimaddia Bukri berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 8.04 pagi berhubung kejadian sebelum tiba di lokasi kira-kira 14 minit kemudian.

Siasatan awal mendapati, berlaku letupan gas dan kebakaran kecil di ruang dapur yang menyebabkan sembilan pekerja asing masing-masing warga Myanmar dan Nepal berusia antara 21 hingga 30 tahun cedera termasuk dua mengalami cedera ringan.

Menurutnya, jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Subang Jaya bersama 30 anggota dikejarkan ke lokasi kejadian dan melaksanakan kerja-kerja pamadaman api serta menutup kesemua injap gas dalam kilang terabit.

“Kejadian berkemungkinan berlaku akibat kebocoran gas namun siasatan lanjut masih dijalankan untuk kenal pasti

INFO • Tiga mangsa yang melecure antara 40 hingga 80 peratus dilaporkan berada dalam keadaan kritikal

punca sebenar letupan.

“Setakat ini, tiga mangsa yang melecure antara 40 hingga 80 peratus dilaporkan berada dalam keadaan kritikal,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Kopitiam Asia Pasific Sdn Bhd, Dawn Liew berkata, kejadian tidak melibatkan keseluruhan produk makanan yang dikeluarkan di kilang tersebut.

Menurutnya, ruang berlaku letupan dan terbakar terletak

berasingan dan terpisah dengan bahagian lain termasuk pejabat operasi pihaknya. Kejadian berlaku selepas sejam pekerja syif pagi memulakan operasi kira-kira jam 7 pagi.

“Pekerja terlibat sudah dihantar ke hospital dan kita masih tunggu laporan perubatan. Mengenai punca kejadian, pihak kami serahkan kepada polis dan bomba untuk jalankan siasatan lanjut.

“Kejadian ini pertama kali berlaku sejak kilang beroperasi lebih lima tahun lalu,” katanya.

Ekoran kejadian semalam, kira-kira 200 pekerja kilang diarah mengosongkan bangunan dan dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.